Abdessalam Yassine

# Amalan Rutin Harian Seorang Mukmin

# يوم المؤمن وليلته

Melayu - English

Diterjemah oleh

Robiatul Adawiyah Mohd

Abdessalam Yassine

# Amalan Rutin Harian Seorang Mukmin

# يوم المؤمن وليلته

# The Day and Night Schedule of the Believer

**Melayu - English**

Diterjemahkan daripada Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu oleh:

**Robiatul Adawiyah Mohd**

Justice and Spirituality Publishing

Copyright © 2024 by Justice and Spirituality Publishing.

All rights reserved. No part of this book may be reproduced, in any form or by any means, without prior written permission from the publisher.

Published by Justice and Spirituality Publishing.

P.O. Box 5189
New Britain, PA 18901
U.S.A.

Website: www.JSP.us

ISBN 978-1-942482-16-1

Printed on acid-free paper

﴿قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا﴾ (الشمس: 9)

*"Sesungguhnya, mereka yang berjaya adalah mereka yang menyucikan jiwa."*

*"Truly, those who succeed are those who purify it [the soul]"*

**(Quran 91:9)**

## Pengakuan

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah memberi kekuatan dan hidayah-Nya. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad ﷺ, keluarga, dan para sahabat baginda. Dengan izin dan rahmat-Nya, penyelidikan bertajuk Intellectual Discourse On Modernity And Development In The Muslim World: An Analytical Study On The Writings Of Imam Abdessalam Yassine (USIM/NAFIS/FPQS/ANTARABANGSA/40324) telah berjaya menyempurnakan terjemahan karya Imam Abdessalam Yassine yang berjudul (يوم المؤمن وليلته).

**Ketua Penyelidik:** Abdulrahman Hussein Obeid (Universiti Sains Islam Malaysia USIM)

**Terjemahan:** Robiatul Adawiyah Mohd (Universiti Sains Islam Malaysia USIM)

**Penyemak Terjemahan:**

- Mohd Zohdi Mohd Amin (Universiti Sains Islam Malaysia USIM)
- Nur Saadah Hamisan (Universiti Sains Islam Malaysia USIM)
- Asma Binti Muhammad Uthman El-Muhammady (International Islamic University Malaysia IIUM)
- Muslihun Muhammad Nasir (Pengamat dan Penulis dari Indonesia)
- Kamaruzaman Bin Yusoff (Universiti Islam Melaka UIM)





## Acknowledgment

Alhamdulillah, all praise is due to Allah Who has given us strength and guidance. May the blessings and salutations be upon Prophet Muhammad □, his family, and his companions. With Allah’s permission and grace, the research entitled Intellectual Discourse on Modernity And Development In The Muslim World: An Analytical Study on The Writings of Imam Abdessalam Yassine (USIM/NAFIS/FPQS/ANTARABANGSA/40324) has successfully completed the translation of the book by Imam Abdessalam Yassine, entitled: The Day and Night Schedule of the Believer (يوم المؤمن وليلته).

**Chief Researcher:** Abdulrahman Hussein Obeid (University of Islamic Sciences Malaysia)

**Translator:** Robiatul Adawiyah Mohd (University of Islamic Sciences Malaysia)

**Translation Reviewers:**

- Mohd Zohdi Mohd Amin, Mohd Zohdi Mohd Amin, and Nur Saadah Hamisan (University of Islamic Sciences Malaysia)
- Asma Binti Muhammad Uthman El-Muhammady (International Islamic University Malaysia), Muslihun Muhammad Nasir (Pengamat dan Penulis dari Indonesia),
- Kamaruzaman Bin Yusoff (Islamic University Melaka)

# Isi Kandungan


Prakata oleh Abdulrahman Obeid ........ 10

Setiap Waktu Ada Amalannya ........ 20

Beralih Daripada Kebiasaan Kepada Ibadat ........ 24

1. Amalan Malam Nabi ﷺ (Solat Witir Nabawi) ........ 30
2. Ganjaran Pahala Seperti Haji dan Umrah ........ 36
3. Amalan Siang Nabi ﷺ (Solat al-Awwabin) ........ 38
4. Rumah di Syurga ........ 40
5. Perniagaan yang Menguntungkan ........ 42
6. Ganjaran Bacaan Ayat Suci al-Quran ........ 44
7. Memperbaharui Iman ........ 48
8. Mendekatkan Diri Kepada Rasulullah ﷺ ........ 50
9. Adab-Adab Tidur ........ 52
10. Kewajipan Penuntut Ilmu ........ 54
11. Sesi untuk Majlis Ilmu, Dakwah dan Pengajian ........ 54
12. Tanpa Ilmu Tiada Amalan ........ 56
13. Nilai Masa dalam Kehidupan Muslim ........ 56






# Contents


Foreword by Abdulrahman Obeid ........ 11

For Each Time There Is an Assigned Work ........ 21

Shifting from a Worldly Affairs Mode to a Worship Mode ........ 25

1. The Prophet's Night Vigil (al-Witr an-Nabawī) ........ 31
2. A Reward Equal to the Greater Pilgrimage (Ḥajj) and the Lesser Pilgrimage (ʿUmra) ........ 37
3. The Prayer of Those Who Constantly Turn to Their Lord (al-Awwābūn) ........ 39
4. A House in Paradise ........ 41
5. The Lucrative Trade ........ 43
6. Meritorious Sections of the Qurʾān ........ 45
7. The Renewal of Faith ........ 49
8. Becoming Close to the Messenger ﷺ ........ 51
9. The Etiquette of Sleep ........ 53
10. The Duties of the Student of Knowledge ........ 55
11. Sessions of Faith, Trips for Seeking Knowledge, and Missions for Calling Others to the Faith ........ 55
12. No Action without Knowledge ........ 57
13. The Value of Time ........ 57

14. Doa Rābiṭah (Pengikat Rohani) ........ 58
- Kedudukan Doa dalam Islam ........ 58
- Doa Para Malaikat Pemikul Arasy untuk Orang Mukmin ........ 58
- Apa yang Kita Doakan? Dan kepada Siapa Doa Ditujukan? ........ 62
- Doa Rābiṭah Menyatukan Persahabatan dengan Masyarakat ........ 64
- Impak dari Doa Rābiṭah (Pengikat Rohani) ........ 66
- Mendoakan Saudaramu adalah Tanda Karakter Mulia ........ 66
- Nyalakan Lampumu ........ 68
- Mendoakan Saudaramu Tanpa Pengetahuannya adalah Mustajab ........ 70
- Asas Utama Mustajabnya Sebuah Doa ........ 74
- Tatacara Berdoa ........ 78
- "...dan kepada Saudara-saudara Kami yang Telah Beriman sebelum Kami" ........ 78
- Doa Adalah Tanda Seorang Mukmin Ingat Akhirat ........ 86
- Doa Hadiah kepada Roh Saudara Islam ........ 86
- Doa dengan Kehadiran dan Kerendahan Hati ........ 88





14. The Supplication of Spiritual Bond (Duʿāʾ ar-Rābiṭa) ........ 59
- Supplication in Islam ........ 59
- The Supplication of the Throne-Bearers for the Believers ........ 59
- With What Words Should We Pray? To Whom Should We Direct Our Prayers? ........ 63
- The Supplication of Spiritual Bond to Unite Companionship with Community ........ 65
- The Fruit of the Supplication of Spiritual Bond ........ 67
- Invoking the Divine for the Sake of Your Brethren is a Sign of Lofty Character ........ 67
- Light Your Lamps ........ 69
- Prayers for the Believer in Their Absence are Answered ........ 71
- What is the Foundation of Supplication? ........ 75
- Some Points of Etiquette for Supplication ........ 77
- "…and to Our Brethren Who Embraced Faith before Us" ... 79
- Supplication as an Act of Remembrance of the Hereafter ........ 87
- Supplication and Dedication of Worship for the Sake of Others ........ 87
- Presence and Humility ........ 89

## PRAKATA OLEH ABDULRAHMAN OBEID

### KEUTAMAAN ZIKIR DALAM MANHAJ PEMIKIRAN IMAM ABDESSALAM YASSINE

Seorang Muslim tidak akan mampu mencapai tahap ketinggian iman dan ihsan serta taqarrub kepada Allah dengan sikap bermalas-malas, menunda-nunda dan rasa kelesuan. Sebaliknya setiap Muslim perlu sentiasa mendekati Allah ﷻ bersungguh-sungguh dengan amalan wajib, sunat dan doa. Justeru, amalan dalam buku ini (يوم المؤمن وليلته) merupakan satu pendekatan taqarrub kepada Allah ﷻ bagi mereka yang mencari redha Allah ﷻ dan rindu bertemu dengan-Nya. Berdasarkan pendekatan ini, Imam Abdessalam Yassine menulis buku (يوم المؤمن وليلته) dengan tujuan beralih kehidupan dari masa kelalaian dan zon selesa ke masa kesedaran dan ibadah. Beliau merangka pendekatan komprehensif ini untuk mencapai keseimbangan antara nilai masa dan bentuk amalan yang dilaksanakan sehingga mencapai tingkatan kerohanian yang tinggi.

Karya ini, walaupun ringkas, ia adalah penjelasan yang tuntas mengenai jalan dakwah yang dilalui oleh Imam Abdessalam Yassine. Beliau mengabdikan kehidupannya





## FOREWORD BY ABDULRAHMAN OBEID

### CENTRALITY OF DHIKR IN THE THOUGHT OF IMAM ABDESSALAM YASSINE

The individual's journey toward *Iman*, *Ihsan*, and closeness to Allah does not come through laziness, procrastination, or lethargy. Instead, it is achieved through continuous turning toward Allah, both in obligatory acts of worship and voluntary ones, through remembrance (*Dhikr*), and supplication (*Du'a*). *The program Day and Night Sched*ule *of The Believer* provides a guide for those who seek the countenance of Allah and long to meet Him (Exalted is He). With this intent, Imam Abdessalam Yassine authored his book *Day and Night Schedule of The Believer*, aiming to "shift from a worldly affairs mode to a worship mode." He set forth a comprehensive program to balance time and action, elevating the soul along the stages of *Iman*.[1]

Despite its small size, this book serves as a bright beacon, illuminating the peaceful nature of the call to Islam - a call whose foundations and landmarks the Imam dedicated his life to establishing. It represents a spiritual condensation of

(1) Amkassou, Omar: *Adwa' 'Ala Maktubat al-Imam Abdessalam Yassine [Insights into the Writings of Imam Abdessalam Yassine]* (Morocco: Iqdam Publishing and Printing House, 1st Edition, 2021), pp. 117-119.

dengan meletakkan asas dan panduan bagi kehidupan Mukmin. Ia adalah ringkasan kerohanian bagi usaha dan perjuangan yang berterusan. Justeru, setiap pekerjaan yang tidak dipimpin oleh zikir kepada Allah ibarat tumbuhan tanpa akar yang tidak dapat bertahan dalam proses tarbiyah dan pembentukan generasi Mukmin. Manakala pemikiran yang tidak ditundukkan kepada cahaya zikir adalah pemikiran yang gelap dan akan cepat sirna. Sedangkan umur manusia adalah modal dalam perjalanan hidup, bermula dari saat kelahiran hingga saat perpindahan ke alam barzakh. Inti daripada perjalanan panjang ini adalah masa. Masa mestilah diisi dengan kerja nyata yang membuahkan hasil yang bermanafaat. Maka tiada kebaikan dalam pekerjaan yang tidak ditujukan kepada keredhaan Allah ﷻ, dan tidak ada kebaikan dalam hasil yang tidak membawa kepada keredhaan-Nya.

Dalam pemikiran Imam Abdelsalam Yassine, pengurusan masa adalah isu yang paling utama dalam segala aspek kehidupan, mulai dari aspek pemikiran, pendidikan, politik sehingga dakwah. Masa mengatur kehidupan manusia dari awal hingga akhir, akan tetapi kejayaan menguruskan masa hanya dapat diukur berdasarkan aspek keimanan. Barang siapa menyangka bahawa dia telah menguasai





unceasing effort and struggle. Any action not guided by the remembrance of Allah is uprooted, lacking roots in the soil of spiritual purification and the education of a believing generation. Similarly, any thought that does not submit to the light of *Dhikr* is dark and will soon fade away.

The human lifespan is but a temporal step along the extended path of life, which stretches from the moment of birth to the moment of transition to the realm of *Barzakh* (the intermediate state after death). This entire path, in turn, is but a temporal step in a journey that spans from the moment of creation to the Day of Resurrection. Between this path and that ultimate journey, a temporal step transforms into a life brimming with action and productivity. Yet, there is no goodness in an action that does not seek the pleasure of the Creator, nor in production that is not for His satisfaction!

Time is a philosophical, educational, political, and missionary issue in the thought of Imam Yassine. It governs human life in terms of its beginning and end, yet it is itself governed solely by *Iman*. Those who imagine they have mastered time through good planning, strategy, and the pursuit of pleasures will realize the folly of their view at the moment of transition to the realm of the *Barzakh*. Conversely, those who strike a balance in their livelihood, pleasures, and the pursuit of their Creator's satisfaction

masa melalui pengurusan yang baik serta mampu mengejar kesenangan, kelak dia akan menyedari kesilapannya saat berpindah ke alam barzakh. Barang siapa yang mengatur hidupnya dan kesenangannya demi mencari keredhaan Allah ﷻ tanpa mengabaikan dunia dan akhirat, maka dia juga akan menyedarinya saat perpindahan ke alam barzakh bahawa masa tidak mengkhianatinya tetapi menemaninya dengan kelembutan dan kenikmatan dalam kehidupan kedua. Oleh itu, Imam Abdessalam Yassine memetik dan menegaskan kata-kata Abu Bakar as-Siddiq RA dalam wasiatnya kepada Umar ibn al-Khattab RA: “Ketahuilah bahawa Allah mempunyai kerja pada siang hari yang tidak diterima pada malam, dan kerja pada malam yang tidak diterima pada siang” sebagai panduan bagi mereka yang mencari keseimbangan antara kerja malam dan siang, antara tuntutan dunia dan akhirat.

Dalam karya kecil yang bermanfaat ini, Imam Abdessalam Yassine juga memberi tumpuan kepada dua elemen yang memainkan peranan konstruktif dalam kerja jemaah iaitu majlis ilmu dan doa rabiṭah dalam persahabatan dan jemaah. Kedua-dua elemen ini membentuk ikatan kehidupan yang kukuh lagi tidak tergoyahkan bagi setiap individu. Imam Abdessalam Yassine juga melihat bahawa





- without neglecting their worldly needs or compromising their afterlife - will find, at the same moment, that time has not betrayed them. Instead, it has gently accompanied them to their second life, transforming their anticipation of eternal life into a moment of happiness and bliss.

For this reason, Imam Yassine upheld the words of Abu Bakr Al-Siddiq in his advice to Umar ibn Al-Khattab as a guiding beacon: “*Know that Allah has work during the day that He does not accept at night, and work during the night that He does not accept during the day*.” These words serve as a light for seekers, helping them achieve a balance between the deeds of the day and night, and between the demands of this world and the Hereafter.

In this beneficial booklet, the Imam focuses on two constructive elements for the peaceful work of the community: *the Circles of Faith and the Dua of Bonding, Companionship, and Community*. Together, these elements form a living bond among individuals, a connection that is neither severed nor loses its impact. This bond is a spring of spiritual strength, fostering disciplined behavior, theoretical wisdom, the purity of souls, and the mercy of hearts. Imam Abdessalam Yassine believes that the first key to shifting from a worldly affairs mode to a worship mode is the *Witr* prayer - eleven *Rak‘ahs* prayed in the stillness of the night, a prayer marked by humility and

kunci pertama untuk beralih dari zaman kebiasaan ke zaman ibadah adalah dengan solat witir sebelas rakaat di tengah malam dengan penuh khusyuk dan rendah hati. Kunci kedua adalah sesi zikir selepas solat subuh hingga matahari terbit. Dan kunci ketiga adalah solat dhuha lapan rakaat. Selain itu, mengkhususkan malam Khamis dan hari Jumaat untuk berselawat kepada Nabi SAW. Kunci-kunci ini dikumpulkan dengan nilai masa dan cara menguasai jam dan minitnya dengan ilmu dan zikir.

Imam Abdessalam Yassine juga turut menggariskan sepuluh sifat (al-khisal al-‘ashr) untuk mencapai ketinggian rohani bagi pembentukan peribadi Muslim yang sempurna. Sifat-sifat ini termasuklah: persahabatan yang baik (الصحبة الصالحة), zikir (الذكر), kejujuran (الصدق), pengorbanan (البذل), ilmu (العلم), amalan (العمل), akhlak yang baik (السمت), kesabaran (التؤدة), kesederhanaan (الاقتصاد) dan jihad (الجهاد). Sepuluh sifat ini melahirkan ketinggian rohani yang membebaskan seseorang dari sifat negatif seperti keegoan, kelalaian, kemunafikan, dan ketamakan. Ia belajar melepaskan diri dari keegoannya, kelalaiannya, kemunafikannya, dan kekikirannya, kerana persahabatan mengeluarkannya dari penjara keegoan seperti mana zikir mengeluarkannya dari penjara kelalaian, kejujuran mengeluarkannya dari penjara kemunafikan, dan





devotion. The second key is the session of Dhikr after the Fajr prayer until sunrise. The third key is the Duha prayer - eight Rak‘ahs offered during the mid-morning as the prayer of the penitent. Another key is dedicating Friday night and day to sending abundant blessings upon the Prophet Muhammad, Allah bless him and grant him peace. These keys multiply, but they are united by the value of time and the methods to master its hours and minutes through knowledge and remembrance of Allah.

A person enters the realm of the Divine (*Malakut*) through a spiritual experience rooted in righteous companionship, remembrance, sincerity, sacrifice, knowledge, action, beautiful comportment, self-discipline, determination and moderation, and *Jihad*. Imam Yassine refers to these as the "Ten Virtues." This experience leads to a second birth - a spiritual birth immune to decay, distinct from biological birth. Through it, one learns to transcend selfishness, heedlessness, hypocrisy, and miserliness. Righteous companionship liberates from the prison of selfishness, *Dhikr* frees from the prison of heedlessness, sincerity releases from the prison of hypocrisy, and sacrifice breaks the chains of miserliness, and so on.[(1)]

(1) Makboul, Driss: *Su’al al-Ma’na fi Fikr Abdessalam Yassine [The Question of Meaning in the Thought of Abdessalam Yassine* (Morocco: Iqdam Publishing and Printing House, 1st Edition, 2021), pp. 117-119.

pengorbanan mengeluarkannya dari penjara kekikiran dan seterusnya.

Mungkin ada yang menyangka bahawa kunci peralihan dari waktu kebiasaan ke waktu ibadah adalah sangat berat dan sukar. Namun, ini adalah tanggapan bagi seseorang yang mempunyai cita-cita yang rendah dan terpesona dengan kesenangan dunia. Cara untuk melaksanakan tugas-tugas ini adalah dengan mengawal diri, berdisiplin, menahan keinginan, dan mempunyai niat yang ikhlas. Tidak ada salahnya melaksanakan sebahagian pada hari ini dan sebahagian lagi pada hari esok, kerana kegagalan untuk melaksanakan kesemuanya tidaklah menghalang daripada memperoleh berkat dan manfaat daripada sebahagian amalan. Prinsip dalam agama adalah kemudahan (taysir), namun semangat manusia berbeza-beza, begitu juga dengan tuntutan kehidupan seharian. Sedikit yang berterusan adalah lebih baik daripada banyak yang terputus, dan seorang hamba diberi pahala atas amalan yang besar dan juga kecil.

Ketua Penyelidik,

**Abdulrahman Hussein Obeid**

Mei 2024





One might think that these keys are heavier than the keys of Koran (*Qarun*), carried only by an idle dreamer blessed with comfort and luxury, completely overtaken by asceticism. Such a person might imagine that achieving these acts is as difficult as uprooting thorny shrubs, leading to financial ruin and neglect of one’s family! However, this is a mistaken notion born of weak resolve and a mind distracted by worldly pleasures.

The essence of this practice lies in disciplining the soul, subduing desires, and purifying one’s intentions. It is not necessary for one to adopt all these keys at once. A person can commit to some of them today and others tomorrow. A lack of ability to fulfill all of them should not prevent one from gaining the blessing and benefit of fulfilling even parts of them.

The foundation of Islam is ease; aspirations vary, and life’s demands fluctuate between busy and free periods. A little that is consistent is better than a lot that is cut short. The servant of Allah is rewarded for both the grand and the small acts of devotion.

Chief Researcher,

**Abdulrahman Hussein Obeid**

May 2024

## Setiap Waktu Ada Amalannya…

In the name Saudara-saudari yang beriman,

Allah ﷻ berfirman dalam Surah al-Mulk ayat 2:

﴿الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ﴾

Maksudnya: *Dia-lah yang menciptakan Kematian dan Kehidupan, agar Dia menguji siapa di antara kamu yang terbaik dalam perbuatan.* (QS al-Mulk, 67: 2)

Di antara kehidupan dan kematian, ada ruang waktu untuk manusia melaksanakan tugas, iaitu untuk beribadat. Maka, umurmu adalah modal utamamu. Oleh kerana masa hidupmu adalah modal, adalah penting untuk belajar mengurus setiap tugas kehidupan secara bijaksana. Waktu yang diperuntukkan dalam kehidupan bukanlah untuk melakukan apa sahaja yang kamu inginkan, dan mengerjakan sesuatu tugas pada bila-bila masa yang kamu inginkan. Sebaliknya, modal waktu yang kamu miliki harus digunakan untuk melakukan pekerjaan yang tepat dan pada waktu yang tepat. Justeru, kamu harus belajar mengetahui pekerjaan yang tepat mengikut waktu yang tepat sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Islam





## For Each Time There Is an Assigned Work

In the name of God, the Most Gracious, the Most Merciful: may His blessings and peace be upon His Prophet Muḥammad and the Prophet's *Āl al-Bayt*[1], Companions, Brethren[2], and Party[3].

*Dear Brothers and Sisters in Faith:*

The Lord - Exalted is He - has proclaimed in Sūrat al-Mulk (Qur'ān 67:2):

> It is He Who has created Death and Life, that He may test which of you are best in deed.

[1] Translator's note: The Prophet's family (*Āl al-Bayt*) comprises his wives; his children; his grandsons al-Ḥasan and al-Ḥusayn; his uncle al-ʿAbbās; his paternal cousins ʿAlī, Jaʿfar, and ʿAqīl; and the descendants of all the aforementioned.

[2] TN: The Prophet's Brethren are the prophets and messengers who were sent before him, their believing wives, and their followers, men and women. They also include those men and women who have believed in the Seal of the Prophets without having met him, that is, the members of his community who have embraced Islam since his passing.

[3] TN: All Muslim men and women who serve Islam's cause and strive to unite the Muslim community worldwide.

daripada amalan hati, lisan, dan anggota tubuh. Berusahalah melaksanakannya sehingga bertepatanlah setiap pekerjaan dengan waktunya. Dengan itu tercapailah tujuan pergiliran malam dan siang, dan diterima setiap amal pekerjaan itu di sisi Allah ﷻ.

Ketika Abu Bakr as-Siddiq RA melantik ‘Umar ibn al-Khattab RA sebagai penggantinya, beliau menasihati ‘Umar dengan berkata, “Ketahuilah bahawa Allah ﷻ telah memerintahkan kita untuk melakukan amal pekerjaan tertentu di siang hari, yang Dia tidak akan menerima jika kita lakukan di malam hari; dan begitu pula Dia telah memerintahkan kita untuk melakukan amal pekerjaan tertentu di malam hari yang Dia tidak akan menerima jika kita lakukan di siang hari.”





Since your lifetime is your capital, it is imperative to learn how to manage each of life’s tasks in turn. The point of life is not to do whatever you want, whenever you want; rather, the point is to learn how to do the right work at the right time. Therefore, you should learn the acts of the heart that are required for their prescribed time, the acts of the tongue for their prescribed time, and the acts of all your other organs at their prescribed times. When Abū Bakr aṣ-Ṣiddīq was nominating ʿUmar ibn al-Khaṭṭāb as his successor, he counseled:

> Know that the Lord has commanded us to perform certain acts in the daytime, which He will not accept for us to perform at night; and so too has He commanded us to perform certain acts in the nighttime which He will not accept for us to perform in the day.

## Beralih Daripada Kebiasaan Kepada Ibadat

Bagaimana kamu dapat melaksanakan semua kewajibanmu dalam rentang hidup yang terbatas ini agar dapat mencapai kebahagiaan di dunia ini dan di akhirat? Dalam Surah an-Naḥl ayat 97, Allah ﷻ berfirman:

﴿مَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُۥ حَيَوٰةً طَيِّبَةً ۖ
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya: *Bagi mereka yang melakukan perbuatan kebajikan, baik lelaki mahupun perempuan, dan memiliki iman, Kami akan memberikan kehidupan yang baik dan suci, dan Kami akan memberikan kepada mereka balasan menurut perbuatan terbaik mereka*. (QS al-Nahl, 16:97)

Oleh itu, melalui iman dan perbuatan soleh, kebahagiaan dapat dicapai. Rasulullah ﷺ telah mengajarkan kepada kita bahawa iman terdiri dari tujuh puluh cabang. Di antara cabang-cabang iman ini, terdapat amalan tertentu yang harus dilakukan oleh seorang Mukmin setidak-tidaknya sekali seumur hidup seperti Haji; amalan yang wajib dilakukan sekali setahun seperti puasa Ramadan; amalan yang ditetapkan pada waktu tertentu seperti solat dan





## Shifting from a Worldly Affairs Mode to a Worship Mode

So how can you carry out all your obligations in such a limited lifespan so as to attain the bliss of this life and the Hereafter? In Sūrat an-Naḥl (Qurʾān 16:97), the Lord (Magnified be He) explains:

> To those who work deeds of righteousness, men or women, and have faith, We will give a life that is good and pure, and We will bestow on them their reward according to the best of their actions.

It is thus by faith and righteous deeds that felicity may be attained. As for faith, the Messenger (God bless him and grant him peace) has taught us that it is made up of seventy affluents. Among these affluents of faith[1] are certain

[1] TN: The affluents of faith (*shuʿab al-īmān*) are those acts of worship (physical, moral, intellectual, and spiritual) that enable our journey toward spiritual excellence (*iḥsān*). Many scholars of *ḥadīth*, such as al-Bayhaqī and al-Ḥulaymī, have enumerated these affluents as being sixty or seventy in number. In his *Prophetic Method* (al-Minhāj an-Nabawī), Imām Abdessalam Yassine has arranged them into ten virtues (*al-khiṣāl al-ʿashr*) for training the believers to ascend the three stages of the faith (*islām, īmān, iḥsān*); this training being a *sine qua non* for the task of uniting Muslims worldwide.

zakat; amalan yang dituntut dalam situasi tertentu seperti mengunjungi orang sakit, memberikan penghormatan terakhir kepada yang meninggal, menghilangkan gangguan di jalanan; amalan yang berkaitan dengan kebajikan individu seperti kesopanan; dan akhirnya, tindakan-tindakan yang harus dijadikan kebiasaan yang kukuh seperti mengucapkan kesaksian iman bahawa «tidak ada tuhan selain Allah».

Jalan yang paling singkat dan lurus untuk mendekati Allah ﷻ adalah dengan jalan ketidakberdayaan *(‘ajz)*, dengan menyedari bahawa manusia tidak berkuasa tanpa pertolongan Allah. Jalan kemiskinan *(faqr)*, dengan merasai dan mengakui bahawa kita memerlukan Allah dalam semua aspek kehidupan kita, kerana Dia adalah sumber segala rezeki dan kebaikan. Jalan belas kasihan *(shafaqah)*, dengan menunjukkan sikap rendah diri dan tidak sombong di hadapan Allah, menyedari bahawa hanya Dia yang Maha Berkuasa. Dan dan jalan renungan *(tafakkur)* dengan merenung dan berfikir tentang kebesaran Allah ﷻ serta kelemahan dan kekurangan diri kita sebagai makhluk. Dan hendaklah dia perlihatkan semua itu hanya di hadapan Tuhan Yang Maha Esa dan bukan di hadapan manusia.





acts that the believer[1] must perform at least once in their lifetime (such as the Pilgrimage); acts that are mandatory once a year (the Ramadan fast); acts that are prescribed at regular intervals (the ritual prayer [*aṣ-ṣalāh*] and ritual charity [*az-zakāt*]); acts that are mandated under particular circumstances (visiting the sick, paying last honors to the deceased, clearing away a public pathway that has been obstructed); acts that relate to individual virtues (modesty); and finally, acts that should be made into firmly-established habits (chanting the testimony of faith that “there is no god but God” [*lā ilāha illallah*]).

The believer should cultivate habits that allow them to spend their time in worship and *jihād*[2] rather than frivolous worldly pursuits. As a gnostic[3] once taught:

(1) TN: By “believer” is meant not the ordinary Muslim who merely practices the five pillars of Islam, but is the one who seeks to embody the affluents of faith and thence aspires to *iḥsān*, spiritual excellence.

(2) TN: Often mistranslated as “holy war,” *jihād* refers to the effort that the Muslim, man or woman, exerts to serve God as an individual or as a member of the community in all spheres of life.

(3) TN: A gnostic - literally, a “knower of God” (*‘ārif billāh*) - is a Sufi master or spiritual scholar who is firmly grounded in the quintessence of Islamic Law (*al-Ḥaqīqa*). In chapter 25, verse 59 of the Qur’ān, God (exalted be He) says: “God, the Most Gracious – ask those expertly informed of Him.”

Oleh itu, seorang Mukmin harus membina kebiasaan yang memungkinkan mereka menghabiskan waktu dalam ibadah dan jihad daripada mengejar kesenangan duniawi yang sia-sia. Seperti yang diajarkan oleh seorang *arif billah*, ia berkata, "Sesiapa yang telah menjalani satu hari daripada kehidupannya pada sesuatu yang tidak benar di sisi agama untuk dilakukannya, maka sesungguhnya dia telah mensia-siakan satu hari dalam hidupnya serta menzalimi dirinya sendiri."

Pastinya, kamu harus menyediakan waktu untuk keluarga, sekolah atau pekerjaan; tetapi jangan biarkan jadual dunia kamu mencegahmu dari mendirikan solat berjemaah sebanyak mungkin. Jika tidak ada masjid berdekatan, kamu harus mengumpulkan orang-orang di sekitar kamu di tempat kerja atau sekolah dan memilih seseorang sebagai muazin dan imam untuk memimpin solat.

Dengan apa kita harus memulai dan mengakhiri hari kita? Bagaimana kita dapat melakukan sesuatu secara efektif dengan mengubah dari mod dunia kepada mod ibadah?





> If anyone fails, for a single day of their lifespan, to uphold the rights of the people, fulfil the duties of their faith, gain in [spiritual] honor, earn greater merit, perform a virtuous deed, or acquire knowledge, they will deeply regret having ever lived such a day.

Of course, you should set aside time for your family and your schooling or job; but under no circumstances should you let your worldly schedule prevent you from establishing the ritual prayer in congregation as much as you can. If there is not a mosque close by, you should gather those around you in your workplace or school and have one person act as the caller to prayer (*muʾadhdhin*) and another the imam to lead the worship.

What should we start and end our day with? How can we effectively shift from our worldly mode to a worship mode?

## 1. Amalan Malam Nabi ﷺ (Solat Witir Nabawi)

Seorang Mukmin harus memulai harinya dengan bangun lebih awal iaitu satu jam sebelum solat Subuh (atau, paling tidak, sedikit masa sebelum solat Subuh) untuk melaksanakan solat Witir Nabawi sebanyak 11 rakaat. Solat ini dilakukan dua rakaat demi dua rakaat dan diakhiri dengan satu rakaat solat yang dilaksanakan dengan khusyuk dan tenang. Dalam ibadah ini, seorang Mukmin harus menunjukkan kerendahan hati dan ketidakberdayaannya di hadapan Allah ﷻ, kerana solat merupakan bentuk pengabdian kepada-Nya. Solat terbaik setelah solat fardu adalah solat di tengah malam seperti yang disebutkan dalam hadis Nabi SAW.

Di antara setiap dua rakaat, ia merupakan masa yang sangat penting untuk berdoa kepada Allah dengan kerendahan hati dan khusyuk, menumpahkan air mata kesedihan di pipi, merasa diri sendiri penuh dengan kekurangan, ketidakcukupan, ketidakberdayaan, dan kefakiran, dan mengakui bahawa segala kebaikan dan kesempurnaan adalah kurniaan dari Pencipta Yang Agung. Seorang Mukmin harus menerima segala nikmat sebagai anugerah dari Allah, menyatakan rasa syukur berbanding kesombongan, dan memuji-Nya berbanding mempamerkan





## 1. The Prophet’s Night Vigil (al-Witr an-Nabawī)[1]

The believer should begin their day by waking up one hour before the dawn prayer (or, at the very least, a little before the dawn prayer) to perform five sets of two-cycle prayers capped by a one-cycle prayer. In this worship, the believer should manifest humility and helplessness before the Lord, for the prayer is supposed to represent total devotion to Him. This is particularly applicable for the night vigil which is the best ritual worship after the five prescribed prayers, as attested to by at least one *ḥadīth*[2] of the Prophet (God bless him and grant him peace).

After each two-cycle prayer, the worshipper should beseech their Lord with tears flowing down their face. They should see from themselves nothing but negligence, deficiency, helplessness, and need; they should see whatever virtues they possess as being nothing more than a gift from the Maker, praising Him for such generosity.

---

(1) TN: The Prophet’s night vigil (*al-witr an-nabawī*) is made up of five sets of two-unit prayers [one unit = *rakʿah*, literally “bowing”], the last of which is called *rakʿatā ash-shafʿ*, followed by a one-unit prayer called *rakʿat al-witr*.

(2) TN: A report about the Prophet (God bless him and grant him peace).

diri sendiri. Penyucian diri pada tahap ini merupakan rahsia yang terkandung dalam ayat 9 dari Surah al-Shams.

﴿قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya, mereka yang berjaya adalah mereka yang menyucikan jiwa* (QS al-Shams, 91: 9):

Kesempurnaan jiwa yang sesungguhnya adalah ketika seorang manusia sedar dengan kelemahannya di hadapan Allah ﷻ, lalu dia berhasil menyucikan jiwanya. Dia juga insaf bahawa dia hanyalah seorang makhluk yang lemah di hadapan Allah ﷻ.

Imam Ahmad meriwayatkan dari al-Muṭṭalib bahawa Nabi Muhammad ﷺ bersabda: "Solat dilakukan dua rakaat demi dua rakaat, dengan *tasyahud* setelah setiap dua rakaat, dan hendaklah dengan kerendahan hati dan khusyuk. Jika seseorang tidak melakukan hal ini, maka solatnya tidak sempurna *(khidaj)*." Shu'ba bertanya, "Solat mereka *khidaj*?" Dia menjawab, "Ya." Ketika Shu'ba bertanya apa itu '*iqna*' (berdoa dengan mengangkat tangan), orang itu menunjukkan dengan menghulurkan tangannya seperti berdoa."

Ibnu Hibban juga meriwayatkan dalam *Sahih-nya* dari





"Truly, those who succeed are those who purify it [the soul] (Qur'ān 91:9): The key to perfecting the soul lies in precisely recognizing its imperfection, the key to its power lies in acknowledging its very powerlessness before Him (Glorified is He), while its affluence lies in seeing nothing but its poverty and dire need.

Imam Aḥmad has narrated on the authority of al-Muṭṭalib that the Prophet (God bless him and grant him peace) instructed:

> In the night vigil, you should end each prayer set with a recitation of the *tashahhud*[(1)], then stretching out your hands to form a mask, bearing your wretchedness and helplessness, and imploring: "O Lord! O Lord!" - for to fail to do this results in an imperfect prayer (literally: a prematurely-born baby). Shuʿba then inquired: "Their prayer will be imperfect?" "Indeed." "What does it mean to stretch out your hands to form a mask?" - Abdu Rabih Ibn Said demonstrated by covering his face with his hands.

[(1)] TN: A ritual invocation consisting of saluting God, uttering the two Testimonies of Faith (*ash-shahādatān*), and asking God to shed His peace and blessings upon the Prophet.

Ibn Mas'ud bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Tuhan kita kagum dengan dua jenis orang, seseorang yang memilih untuk meninggalkan keselesaan tempat tidur dan selimutnya yang berada antara orang yang dikasihinya serta ahlinya kepada solatnya, lalu berfirman Allah ﷻ kepada malaikat-Nya, Lihatlah hamba-Ku yang telah melarikan diri dari tempat tidurnya dan keselesaannya di tengah-tengah cintanya dan keluarganya, kepada solatnya, kerana menginginkan apa yang ada pada-Ku dan pada belas kasihan yang Ku miliki."

Kemudian dia duduk dahulu setelah selesai solat untuk beristighfar memohon ampun kepada Tuhan. Allah berfirman tentang golongan ini yang berhasil mencapai kenikmatan abadi di Akhirat dalam Surah al-Dzhariyat ayat 17 dan 18, firman Allah:

﴿كَانُوا۟ قَلِيلًا مِّنَ ٱلَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ. وَبِٱلْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ﴾

Maksudnya: *Mereka yang sedikit sekali tidur di malam hari, dan di akhir malam mereka beristighfar.* (QS al-Dzariyat, 51: 17-18)





In his *Ṣaḥīḥ*[(1)], Ibn Ḥibbān reports the following statement of the Messenger (God bless him and grant him peace) on the authority of Ibn Masʿūd (God be pleased with him):

> Our Lord is amazed at two types of people. One leaves their spouse and bed [in the middle of the night] to establish the night vigil. The Lord (Exalted is He) proclaims to His angels: "Look at My servant who has risen from sleep and left their beloved spouse to seek My favor and out of trembling fear of My wrath!..."

Upon finishing the night vigil, the believer should sit down and pray to the Lord for forgiveness. As Sūrat adh-Dhārīyāt (Qurʾān 51:17-18) describes those who will achieve the everlasting bliss of Paradise:

> They were in the habit of sleeping but little by night, and in the hours of early dawn, praying (to God) for forgiveness.

[(1)] TN: Book compiling authenticated reports about the Prophet.

## 2. Ganjaran Pahala Seperti Haji dan Umrah

Duduk setelah solat Subuh hingga terbitnya matahari merupakan amalan sunnah. Ini adalah waktu yang barakah, di mana seorang Mukmin diharapkan seboleh mungkin untuk membaca dan berzikir dimulai dengan doa pagi yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ, dengan mempelajarinya dan cuba menghafalnya. Rasulullah bersabda:

"Ya Allah, berkatilah umatku di waktu pagi mereka."

Al-Tirmidzi meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ berkata:

"Siapa yang solat Subuh berjemaah kemudian duduk berzikir hingga matahari terbit, akan mendapat pahala haji dan umrah yang sempurna." Al-Tirmidzi menyatakan hadis ini sebagai *Hasan Gharib*.





## 2. A Reward Equal to the Greater Pilgrimage (*Ḥajj*) and the Lesser Pilgrimage (*‹Umra*)

The time from after the dawn prayer until sunrise is a blessed one which the believer should spend reciting and memorizing Qurʾān and engaging in remembrance of God (*dhikr*), for this is a custom of the Prophet. Imām Aḥmad and the other authors of the *Sunan* (books of authenticated *ḥadīths*) have reported from the Messenger (God bless him and grant him peace):

> O Lord, shed your blessings on those activities of my community (*umma*) performed in the early morning.

In this vein, Tirmidhī has related this Prophetic counsel:

> Establishing the dawn prayer in congregation, sitting down to engage in remembrance of God until sunrise, and finishing this session off with a two-cycle prayer set merits the same reward as performing the Greater Pilgrimage and the Lesser Pilgrimage. (The Messenger [God bless him and grant him peace] then reiterated thrice: "[A] full and complete [pilgrimage], full and complete, full and complete.")[1]

(1) Recorded by Tirmidhī.

## 3. Solat al-Awwabin

Solat al-Awwabin dinamakan sebagai solat Dhuha, atau solat para orang yang kembali kepada Tuhannya (awwabin), boleh dikerjakan mulai dari dua rakaat hingga lapan rakaat bergantung pada kemampuan seseorang. Rasulullah berkata dari apa yang disampaikan oleh Tuhan kepadanya:, "Wahai anak Adam, rukuklah kamu kepadaku di permulaan siang sebanyak empat rakaat, nescaya Aku akan memenuhi keperluanmu di akhir siang." Ini diriwayatkan oleh Ahmad dan lainnya, dan memiliki sanad yang baik.





## 3. The Prayer of Those Who Constantly Turn to Their Lord (*al-Awwābūn*)

Ṣalāt aḍ-Ḍuḥā (morning prayer), which consists of performing one to four two-cycle prayers, is the custom of those who constantly turn to God (*al-awwābūn*). As the Messenger (God bless him and grant him peace) has related from his Lord:

> O child of Adam, perform for My sake two two-cycle prayers in the beginning of the daytime and I shall take care of you until the end of that day.

## 4. Rumah di Syurga

Solat sunat *rawatib* (yang dilakukan sebelum atau setelah solat fardu) dan solat sunnah lainnya termasuk:

- dua rakaat sebelum Subuh;
- dua rakaat setelah wudhu sebagai sunnah Sayyidina Bilal;
- empat rakaat sebelum Zuhur yang membuka pintu langit dan dua rakaat setelahnya;
- dua rakaat sebelum Asar;
- dua rakaat sebelum Maghrib dan enam rakaat setelahnya;
- dua rakaat sebelum Isya' dan empat rakaat setelahnya.

Mereka yang menjaga solat sunat *rawatib* akan dibangunkan sebuah rumah di syurga setiap harinya, seperti yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dan yang lainnya. Solat witir sebelum tidur disarankan bagi yang tidak mampu bangun sebelum Subuh atau khuatir terlewat waktu, meskipun solat witir di akhir malam lebih diutamakan.





## 4. A House in Paradise

It is a well-established custom of the Prophet to perform the following prayers in addition to the five mandatory ones:

- one two-cycle prayer before the dawn prayer;
- one two-cycle prayer any time after performing the ablution (*al-wuḍūʾ*) – which was the custom of the noble Bilāl;
- two two-cycle prayers before the noon prayer (which open the gates of Heaven) and one after;
- one two-cycle prayer before the afternoon prayer;
- one two-cycle prayer before the sunset prayer and three after; and
- one two-cycle prayer before the evening prayer and two after it.

Each day, a house is built in Paradise for those who make this their practice, as Imam Muslim (*inter alia*) has relayed from the Messenger (God bless him and grant him peace). If you cannot wake up before the dawn prayer, then perform the night vigil (*ṣalāt al-witr*) before going to sleep, although it is superior to perform it immediately before dawn.

## 5. Perniagaan yang Menguntungkan

Mengadakan dua sesi bacaan al-Quran pada waktu pagi dan petang dengan khusyuk, tadabbur dan kefahaman maknanya adalah satu bentuk perniagaan yang tidak merugikan buat selama-lamanya. Rasulullah ﷺ, sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim, berkata: "Bacalah al-Quran kerana ia akan datang sebagai pemberi syafaat bagi para pembacanya di Hari Kiamat."

Membaca setidak-tidaknya satu juz (dua *hizb*) al-Quran pada setiap hari telah disarankan oleh Nabi Muhammad ﷺ agar seseorang dapat menyelesaikan bacaan seluruh al-Quran dalam masa tiga puluh hari. Sebaliknya, meninggalkan al-Quran dan tidak meraikan kalam Ilahi bererti ia mengabaikan imannya. Ketahuilah kebersihan jiwa dan kemurnian hati memberi kesan positif terhadap peningkatan bacaan al-Quran, seperti diucapkan oleh Uthman bin Affan RA: "Jika hati kalian bersih, kalian tidak akan pernah merasa puas dari membaca kitab Tuhanmu."

Ya Allah, jadikanlah al-Quran yang agung sebagai taman bunga dalam hati kami dan sebagai penerang bagi kesedihan kami.





## 5. The Lucrative Trade

Reading a litany (*wird*) from the Qurʾān with presence, humility, and contemplation once in the morning and once in the evening is a lucrative trade that will help you prosper forever. As Imam Muslim has relayed from the Messenger (God bless him and grant him peace):

> Recite the Qurʾān, for it will act as an intercessor on the Day of Judgement for those who recited it.

Reading at least one *juz'* (two *ḥizbs*)[(1)] of the Qurʾān per day has been counseled by the Prophet so that one may complete the whole Qurʾān within thirty days. Conversely, to leave aside the Book and fail to celebrate the Message of the Divine is to neglect one's faith.

The more pure the soul, the more one will benefit from such a reading; as ʿUthmān ibn ʿAffān (God be pleased with him) once remarked: "Had your hearts been truly pure, you would never have had enough of reciting the Book of your Lord."

O Lord, let the Holy Qurʾān be the joy of our hearts and the dispeller of our worries!

(1) TN: The Quran contains 60 *hizbs* or 30 *juz's*.

## 6. Ganjaran Bacaan Ayat Suci al-Quran

Dalam al-Quran, terdapat beberapa bagian dari surah dan ayat yang memiliki keutamaan dan fadilat khusus jika dibaca. Antara fadilatnya dapat melindungi dari kejahatan, menghilangkan kekhuatiran, pengampunan dosa, dan meningkatkan darjat seseorang. Maka dianjurkan bagi seorang Mukmin mengamalkannya sebagai rutin bacaan sebagai sebahagian dari wirid harian, antaranya:

Surah Al-Fatihah setelah isti'azah dan basmalah;

- Ayat 1-5 dari Surah Al-Baqarah;
- Ayat Kursi dan selepasnya (ayat 255 hingga 257 dari Surah al-Baqarah);
- Dua ayat akhir (285 & 286) dari Surah Al-Baqarah;
- Ayat 1-9 Surah Ali 'Imran;
- Ayat 18-19 dari Surah Ali 'Imran;
- Ayat 26-27 dari Surah Ali 'Imran;
- Ayat 190-200 dari Surah Ali 'Imran;
- Ayat 128 & 129 dari Surah al-Taubah sebanyak 7 kali;
- Ayat 107 hingga akhir Surah al-Kahfi;
- Surah al-Sajdah;
- Surah Yasin;
- Ayat 1-3 dari Surah Ghafir;





## 6. Meritorious Sections of the Qurʾān

There are several reports from the Prophet on the merits of reciting certain passages of the Book, which can serve to safeguard us from evil, dispel our worries, wipe out our sins, or raise us to a more elevated station. It is from such passages of the Qurʾān that the believer should constitute their daily litany, listed below.

First, you should recite the *istiʿādha* formula: *aʿūdhᵘ bi-llāhi min ash-shayṭān ar-rajīm* (I seek refuge with God from the Evil One) and the *basmala*: *bismi llāhi ar-raḥmāni ar-raḥīm* (In the Name of God, the Most Gracious, the Most Merciful). Then, recite the following from the Qurʾān:[1]

Chapter 1 ♦ 2:1-5 ♦ 2:255-257 ♦ 2:285-286 ♦ 3:1-9, 18-19, 26-27, 190-200 ♦ 9:128-129 (seven times) ♦ 18:107-110 ♦ Chapter 32 ♦ Chapter 36 ♦ 40:1-3 ♦ Chapter 44 ♦ 48:29 ♦ Chapter 56.

(1) TN: The numbering is based on the Ḥafṣ version.

- Surah al-Dukhan;
- Ayat terakhir dari Surah al-Fath;
- Surah al-Waqi'ah;
- Semua surah al-Musabbihat, iaitu surah yang dimulai dengan tasbih (Surah al-Hadid, al-Hasyr, al-Saf, al-Jumuah, dan al-Taghabun);
- Surah al-Mulk;
- Surah al-A'laa;
- Surah al-Dhuha;
- Surah al-Insyirah;
- Surah al-Alaq;
- Surah al-Qadr;
- Surah al-Zalzalah 4 kali;
- Surah al-Takathur;
- Surah al-'Asr 2 kali;
- Surah Quraisy;
- Surah al-Ma'uun;
- Surah al-Kauthar 3 kali;
- Surah al-Kafirun 4 kali;
- Surah al-Nasr 4 kali;
- Surah al-Ikhlas 3 kali;
- Surah al-Muawwizatain (al-Falaq dan al-Nas);
- Kemudian diakhiri dengan Surah al-Fatihah, al-Baqarah 1-5.





Then recite *al-Musabbiḥāt* (the chapters that begin with the formulaic glorification of God): 57, 59, 61, 62, and 64.

Then recite the chapters: 67, 87, 93, 94, 96, 97, 99 (four times); 102, 103 (twice); 106, 107, 108 (three times); 109 (four times); 110 (four times); 112 (three times); 113 and 114; Then end with the chapter 1 (al-Fātiḥa) and 2:1–5.

## 7. Memperbaharui Iman

Memperuntukkan tiga sesi (setiap satunya berdurasi lima belas minit) untuk mengulang "*La ilāha illallah*" merupakan intipati iman tertinggi yang sangat dianjurkan dalam Islam. Dengan penuh konsentrasi dalam mengucapkannya, iman akan diperbaharui. Imam Ahmad meriwayatkan dengan sanad *hasan* bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Pastikan untuk memperbaharui imanmu." "Ya Rasulullah, bagaimana kami harus melakukannya?" "Ucapkanlah 'Tidak ada tuhan selain Allah *(lā ilāha illallah*)' dengan banyak."

Ini menunjukkan pentingnya menjadikan zikir ini sebagai amalan yang berterusan dalam kehidupan seharian. Amalan ini mencerminkan keintiman dan kehadiran hati bersama Allah ﷻ. Ibn Hibban dalam *Sahih-nya* dan Al-Hakim dalam *Mustadrak-nya* menyatakan hadis ini sahih, bahawa Rasulullah ﷺ berkata: "Perbanyaklah zikir kepada Allah sehingga mereka mengatakan kamu gila."





## 7. The Renewal of Faith

You should set aside three sessions (fifteen minutes each) to focus on chanting the Blessed Statement (*al-Kalima aṭ-Ṭayyiba*), "There is no god but God" (*lā ilāha illallah*), which represents the highest affluent of faith. By chanting this formula with presence of mind, your faith will be renewed, as Imam Aḥmad has narrated in the following *ḥadīth* from the Messenger (God bless him and grant him peace) with a fairly-strong (*ḥasan*) chain of transmission:

> "Make sure to renew your faith."
>
> "Messenger of God – and how should we do that?"
>
> "Say: 'There is no god but God (*lā ilāha illallah*)' a lot."

Hence, you must make it a habit to have this on your lips constantly:

> "Engage in remembrance of God until they accuse you of insanity."[1]

(1) Ibn Ḥibbān and al-Ḥākim, the latter grading the *ḥadīth* authentic (*ṣaḥīḥ*).

## 8. Mendekatkan Diri Kepada Rasulullah SAW

Untuk mendekatkan diri kepada Rasulullah ﷺ, disarankan untuk membaca selawat dan salam kepada Nabi ﷺ sekurang-kurangnya tiga ratus kali sehari, khususnya pada malam Jumaat dan sepanjang hari Jumaat. Amalan ini membantu untuk membebaskan kita dari kegelapan menuju cahaya, dan menerangi hati kita.

Al-Tirmidzi dan Ibn Hibban meriwayatkan dari Ibn Mas'ud, bahawa Rasulullah ﷺ berkata, “Orang yang paling banyak membaca selawat kepadanya akan menjadi orang yang paling dekat dengannya pada Hari Kiamat.”

Selanjutnya, Abu Daud dan an-Nasai meriwayatkan dari Abu Hurairah, bahawa Nabi ﷺ bersabda, “Barang siapa yang menginginkan pahala yang lebih, ketika membaca selawat kepadaku maka ucapkanlah, "Ya Allah, berikanlah selawat dan salam kepada Nabi Muhammad ﷺ dan kepada isterinya, ibu dari orang-orang beriman, kepada keturunannya, dan kepada keluarga rumah tangganya sebagaimana Engkau telah memberikan selawat kepada keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji, Maha Mulia".”





## 8. Becoming Close to the Messenger (God Bless Him and Grant Him Peace)

You should chant blessings and salutations on the Prophet at least three hundred times a day, and particularly on the night of Thursday and the day of Friday. By this does the Lord redeem us from the depths of darkness into the light: “Those who will most be deserving of my company on the Day of Resurrection will be those who had most often asked God to shed His blessings on me.”[1]

Abū Dāwūd and an-Nasāʾī have also related on the authority of Abū Hurayra (God be pleased with him) the following from the Prophet (God bless him and grant him peace):

> Whoever aspires to the Greatest Reward should recite: “O Lord, shed Your blessings upon Muḥammad the Prophet, his wives, his descendants, and his family, just as You have shed your blessings upon the Household of Abraham, for You are worthy of all praise, worthy of all glory.

[1] Tirmidhī and Ibn Ḥibbān on the authority of Ibn Masʿūd.

## 9. Adab-Adab Tidur

Sebelum tidur, hadapkan diri kepada Allah ﷻ, dan bermuhasabahlah dengan perbuatan yang dilakukan sepanjang hari tersebut. Seorang yang bertakwa lebih tegas menilai dirinya sendiri berbanding penguasa yang zalim atau kawan yang bakhil, seperti dikatakan oleh tabi'in terkemuka, Maymun bin Mihran, 'Perbaharuilah taubat, tidurlah dalam keadaan bersuci serta dengan menyebut nama Allah (khususnya zikir sebelum tidur), dan dengan azam terbaik, agar yang terakhir dalam masa jagamu adalah dalam keadaan berdoa kepada Tuhanmu untuk membukakan pintu jihad dan mencapai-Nya.' Seperti sabda Rasulullah ﷺ, "Orang yang tidak berjuang atau merencanakan perjuangan mereka meninggal dalam keadaan jahiliah."

Jangan berjaga malam sehingga mengganggu kewajiban esok hari; hari esok harus lebih baik dari hari ini. Jika hari esok tidak lebih baik dari hari ini, maka seseorang tersebut berada dalam keadaan rugi.





## 9. The Etiquette of Sleep

Before going to sleep, turn yourself toward God (Exalted be He) and call yourself to account for how you spent your day for, as Maymūn ibn Mahrān, a noble *tābiʿī* from the generation after the Companions, said, "The true believer calls themselves to account more stringently than the tyrant ruler calls their subjects to account, or more stringently than the miserly businessman calls their partners to account." So before sleep, renew your repentance to the Lord; foster a state of ritual purity (*ṭahāra*) and engage in the Divine remembrance (*dhikr*) with the best of intentions. Let the last moments of your wakefulness be moments wherein you pray to the Lord to open to you the many paths of *jihād* and the reaching of His Presence. For whoever has not made the intention to strive for the sake of God, will die as a pagan, as the beloved Messenger (God bless him and grant him peace) declared. Accordingly, do not stay up late needlessly, for those whose tomorrow is not better than their yesterday are losers.

## 10. Kewajipan Penuntut Ilmu

Jika kamu adalah seorang pelajar, berikan usaha dan waktu yang cukup untuk mengulangkaji. Tanggungjawab utamamu setelah menunaikan solat, membaca al-Quran, dan zikir adalah menimba ilmu pengetahuan tentang agama, kemudian berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk berjaya dalam pengajianmu, kerana ia merupakan jihad di fasa kehidupanmu sekarang. Pilihlah bacaan yang bermanfaat dan baik untuk dunia mahupun akhiratmu. Seorang ahli bijak pandai pernah berkata, "Tunjukkan padaku apa yang kamu baca, aku akan mengatakan siapa kamu."

## 11. Majlis Ilmu, Rihlah Ilmiyyah, dan Misi Dakwah

Peruntukkan masa selama satu jam untuk sesi keimanan bersama saudaramu agar kamu termasuk dalam kalangan mereka yang bergembira di taman-taman Syurga (kerana majlis ilmu ibarat berada di taman-taman Syurga). Seperti yang disampaikan oleh Rasulullah ﷺ, majlis yang diiringi dengan zikir adalah cara untuk mendekatkan diri kepada Allah dan menikmati keindahan taman-Nya. Selain itu, meluangkan waktu untuk kunjungan dakwah dan menimba ilmu juga sangat dianjurkan, kerana membimbing seseorang ke jalan Allah melalui dirimu lebih berharga daripada apa pun yang diterangi oleh matahari.





## 10. The Duties of the Student of Knowledge

If you are a seeker of knowledge, make the time to properly attend to your studies. After establishing the ritual prayer, reciting the Qurʾān, and engaging in the Divine remembrance, your number-one priority is to acquire the basic teachings of the faith.

After that, your priority is to succeed in your academic studies, for academic studying is the *jihād* of this stage of your life. Accordingly, focus on those books that will benefit you both in this world and in the Hereafter. As a sage once remarked, “Tell me what books you read, and I can tell you who you are.”

## 11. Sessions of Faith, Trips for Seeking Knowledge, and Missions for Calling Others to the Faith

Devote at least one hour for a session of faith with your brethren so that you may be of those who rejoice in the Gardens of Paradise, as the beloved Messenger (God bless him and grant him peace) informed us. Also, devote time to trips for seeking knowledge and missions to call others to the faith, for to have God guide one person through you is better than all that upon which the sun rises.

## 12. Tiada Amalan Tanpa Ilmu

Luangkan sedikit waktu pada setiap hari untuk memahami agama secara serius melalui diskusi dan membaca buku-buku fiqh yang mudah dan jelas. Ini bertujuan untuk menguasai syarat-syarat suci (*taharah*), solat, dan ibadah yang lainnya. Allah ﷻ tidak menerima sesuatu amal kecuali yang benar, dan yang benar adalah apa yang sesuai dengan Sunnah Nabi ﷺ.

## 13. Nilai Masa dalam Kehidupan Muslim

Al-Hasan al-Basri, rahimahullah, berkata: "Wahai anak Adam, engkau hanya himpunan daripada hari-harimu. Setiap hari yang berlalu, sebahagian dari dirimu ikut berlalu." Oleh itu, gunakanlah waktumu seperti mana kamu menguruskan hartamu dengan bijak, berjimat dan menghindari keborosan. Berhemahlah dalam menghabiskan waktumu pada hal-hal yang tidak bermanfaat. Waktu yang paling disesali adalah saat kamu gagal mengingat Allah ﷻ dengan lisan, hati, atau berjuang di jalan-Nya. Uruslah waktumu dengan baik dan hindari membuang waktu orang lain dengan kunjungan yang tidak perlu atau tidak tepat waktu.





## 12. No Action without Knowledge

Devote a small amount of your day to studying user-friendly books which instruct the layman in how to master ritual purity and ritual prayer, in addition to the other major acts of worship. For God (Exalted is He) does not accept sincere acts unless they are also ritually correct, that is, in conformity with the Prophet's Tradition.

## 13. The Value of Time

As al-Ḥasan al-Baṣrī (God have mercy upon him) once said, "Child of Adam, you are nothing but a number of days: with the passing of each day, a part of you is gone." Therefore, budget your time like money: be miserly and avoid wasting it in heedless trivialities. Always keep in mind that the time you will in hindsight realize had been wasted – when it will be too late for this regret to make any difference – will be that time in which you failed to remember the Lord (Exalted is He) with your tongue and your heart and when you failed to serve His Cause. Similarly, you should not waste others' time by coming late to your meetings with them or by socializing for hours on end.

## 14. Doa Rābiṭah (Pengikat Rohani)

### • Kedudukan Doa Dalam Islam

Doa adalah inti ibadah. Ia meliputi dua bahagian iaitu doa permintaan dan doa ibadah. Doa permintaan mencakupi segala permintaan atau hajat, sementara doa ibadah mencakupi semua bentuk pendekatan kepada Allah ﷻ, baik yang zahir mahupun yang tersembunyi. Justeru, semua bentuk ibadah adalah sebahagian dari doa. Wahai saudaraku, jika manfaat doa hanyalah mendekatkan dirimu kepada Penciptamu, itu sudah cukup. Ini kerana doa memiliki banyak keutamaan dan keberkatan. Nabi Muhammad ﷺ bersabda, seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmidzi, Ahmad, dan Ibn Majah, "Tidak ada yang lebih mulia di sisi Allah ﷻ selain doa."

### • Doa Para Malaikat Pemikul Arasy Untuk Orang Mukmin

Oleh kerana pengetahuan manusia terbatas dalam mengetahui apa yang terbaik bagi dirinya, Allah ﷻ telah mengajarkan doa-doa dalam al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. Di antara doa-doa dari al-Quran adalah doa para malaikat untuk orang beriman. Ini adalah pelajaran kepada kita yang datang dari Allah ﷻ melalui lisan pembawa Arasy, supaya kita berdoa bagi orang-orang beriman seperti yang difirmankan Allah ﷻ dalam Surah Ghafir ayat 7-9:





## 14. The Supplication of Spiritual Bond (*Duʿāʾ ar-Rābiṭa*)[1]

### • Supplication in Islam

Supplication (*duʿāʾ*) is the very essence of worship. There are two types of supplication: those prayers meant to express your specific needs, and those meant to manifest your devotion. Indeed, all acts of worship can be categorized as supplication of the second type. If the only merit of invocation were that it brought you closer to the Lord (Glorified be He), that would be enough, but the Messenger (God bless him and grant him peace) further taught us that, “There is nothing that God holds in more esteem than His servant’s invocation.”[2]

### • The Supplication of the Throne-Bearers for the Believers

Since man is incapable of discerning his true interests, the Lord (Exalted is He) has given him invocations to say from the Qurʾān and the Prophetic Tradition. Among the

(1) The name of an invocation that connects us to our brethren in the faith, from both past and future generations.

(2) Tirmidhī, Aḥmad, Ibn Mājah.

﴿الَّذِينَ يَحْمِلُونَ الْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيُؤْمِنُونَ بِهِ
وَيَسْتَغْفِرُونَ لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَيْءٍ رَّحْمَةً وَعِلْمًا فَاغْفِرْ لِلَّذِينَ
تَابُوا وَاتَّبَعُوا سَبِيلَكَ وَقِهِمْ عَذَابَ الْجَحِيمِ (7) رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّاتِ
عَدْنٍ الَّتِي وَعَدتَّهُمْ وَمَن صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ ۚ إِنَّكَ أَنتَ
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (8) وَقِهِمُ السَّيِّئَاتِ ۚ وَمَن تَقِ السَّيِّئَاتِ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمْتَهُ ۚ
وَذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ (9)﴾

Maksudnya: *Malaikat yang memikul Arasy dan malaikat yang berada di sekelilingnya, bertasbih memuji TuhanNya dan beriman kepadaNya; serta mereka memohon ampun bagi orang-orang yang beriman (dengan berdoa merayu): Wahai Tuhan kami! RahmatMu dan IlmuMu meliputi segala-galanya; maka berilah ampun kepada orang-orang yang bertaubat serta menurut jalanMu dan peliharalah mereka dari azab Neraka. (7) Wahai Tuhan kami! Dan masukkanlah mereka ke dalam Syurga "Adn" yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan (masukkanlah bersama-sama mereka): Orang-orang yang layak di antara ibu bapa mereka dan isteri-isteri mereka, serta keturunan mereka. Sesungguhnya Engkaulah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (8) Dan peliharalah mereka dari (balasan) kejahatan-kejahatan (yang dilakukannya) dan (sebenarnya) sesiapa yang Engkau pelihara pada hari itu dari terkena (balasan) kejahatan-kejahatan (yang dilakukannya) maka sesungguhnya Engkau telah mengurniakan rahmat kepadanya dan yang demikian itulah kemenangan yang besar (nilainya). (9)* (QS Ghafir, 40: 7-9)





supplications noted by the Qurʾān are those of the angels (peace be upon them) for the righteous believers; and this passage indirectly encourages us to pray for our brethren:

> Those who sustain the Throne (of God) and those around it sing the glory and praises of their Lord, affirm their belief in Him, and implore Him for the forgiveness of those who believe: ‘Our Lord! You encompass all things in Your mercy and knowledge, so forgive those who turn in repentance to You and follow Your path, and preserve them from the Blazing Fire! Grant to them, O Lord, that they enter the Gardens of Eternity which You have promised to them, and to the righteous among their parents, spouses, and children. For You are the Exalted in Might, the One Full of Wisdom. And preserve them also from all evil deeds; anyone whom You preserve from evil deeds on that Day You will truly have shown great mercy. And that is the highest achievement. [Qurʾān 40:7-9]

## • Apa Yang Kita Doakan? Dan Kepada Siapa Doa Ditujukan?

Salah satu tanda kasih sayang Allah ﷻ terhadap makhluk-Nya adalah Dia mengajarkan mereka bagaimana cara berdoa kepada-Nya, seperti Dia mengajarkan mereka cara beribadah kepada-Nya. Doa terbaik adalah doa yang menggunakan Kalamullah sendiri, kerana itulah doa terbaik yang kita panjatkan kepada Allah ﷻ, teks doa dari Allah ﷻ dan doa pula ditujukan kepada Allah ﷻ.

Di antara doa yang diajarkan Al-Quran adalah berdoa bagi orang yang beriman sebelum kita, mulai dari bapa kita Adam dan ibu kita Hawa alaihimassalam, dan juga kita diajarkan untuk mendoakan mereka yang telah menyampaikan agama yang lurus ini kepada kita. Kita belajar agama Islam yang kita anuti hari ini daripada mereka dan mengambil teladan daripada perilaku mereka juga. Mereka adalah orang-orang yang amanah dalam menyampaikan, menjadi contoh yang luar biasa dalam beramal semata-mata untuk berdakwah. Oleh kerana itu, Allah ﷻ mengajarkan kepada kita cara bagaimana berdoa untuk mereka melalui firman-Nya yang suci dalam Surah Al-Hashr ayat 10.

﴿وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلْإِيمَٰنِ وَلَا تَجْعَلْ فِى قُلُوبِنَا غِلًّا لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ﴾





## • With What Words Should We Pray? To Whom Should We Direct Our Prayers?

Among the signs of God’s mercy is that He has taught His servants not only how to ritually worship Him but also how to supplicate Him. The best of supplications are those which He Himself has formulated for us, for they are His words from Him to Him.

Among the teachings of the Holy Qurʾān on this issue are that we pray for those who embraced the faith before us (such as our father Adam and our mother Eve, God grant them peace) as well as our predecessors from whom the faith has been passed down, since it is from them that we have been able to learn Islam. Our forbearers were faithful in their passing down of this tradition, possessed of integrity in their practical work, paragons of sincerity for God’s cause.

“Our Lord! Forgive us and our brethren who before us entered into the faith, and leave not in our hearts any rancor against those who have believed. Our Lord! You are indeed Full of Kindness, Most Merciful.” [Qurʾān 59:10]

Bermaksud: *Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah belas kasihan dan rahmatMu.*

- **Doa Rābiṭah Menyatukan Persahabatan Dengan Masyarakat**

Syeikh Al-Banna rahimahullah menamakan doa ini sebagai sebagai *Wird al- Rābiṭah*. Ia adalah penzahiran dan penerapan praktikal daripada ikatan persaudaraan antara orang beriman. Doa *Rābiṭah* dianggap penting untuk mengikat umat Islam dalam sesebuah komuniti. Melalui pertemuan berulang, berdiri bersama dalam solat, kerjasama, dan doa Rābiṭah, persahabatan dan komuniti menjadi satu, melebihi sekadar formaliti atau persahabatan individual.





- **The Supplication of Spiritual Bond to Unite Companionship with Community**

What Imam al-Bannā (God have mercy on him) named the Litany of Spiritual Bond (*wird ar-rābiṭa*) is an expression of the pact of brotherhood among the believers. We should emphasize the utter necessity of reciting the Supplication of Spiritual Bond (*duʿāʾ ar-rābiṭa*) for bringing the *Umma* together. By constantly meeting with each other, standing together in prayer, working together, and praying the Supplication of Spiritual Bond, the believers foster the virtue of companionship and community (*aṣ-ṣuḥba wa-l-jamāʿa*)[(1)] so that the communion of believers is not just a body, but a body with a soul, so that their companionship is not just the friendship between two isolated individuals, but the brotherhood of a community.

[(1)] TN: Companionship and Community (*aṣ-ṣuḥba wa-l-jamāʿa*), the first of the Ten Virtues espoused by Imām Abdessalam Yassine, entails tutelage under a guide who, unlike in the traditional Sufi orders, guides you in not only spiritual but also in temporal matters, and hence directs you to all the different paths of *jihād*: first and foremost, the inward *jihād* of the self (hence the need for community) as well as that *jihād* which is not merely military but which entails helping the *Umma* acquire all the means (scientific, industrial, technological) which will enable it to manifest its message of mercy to mankind. In other words, the believer cannot attain true spiritual excellence without participating in a communitarian project just as the Companions themselves had (God be pleased with them).

## • Impak Dari Doa Rābiṭah (Pengikat Rohani)

Melalui amalan doa *Rābiṭah* ini, seorang Mukmin dapat merasai dirinya adalah sebahagian daripada kafilah cahaya - kafilah iman dan jihad - yang melintasi waktu dari zaman Nabi Adam AS hingga Hari Kebangkitan. Maka orang yang berdoa akan mendapat barakah sebagai umat yang baik di sisi Allah ﷻ. Malah, akan meningkatkan hubungan keimanan dan kasih sayang dengan mereka yang didoakannya secara sembunyi untuk saudara-saudaranya seagama.

Dalam *tashahhud* (tahiyat awal dan akhir dalam solat) juga diajarkan doa persaudaraan, di mana kita mendoakan semua orang soleh, mencakupi setiap hamba Allah yang soleh di langit dan di bumi, sebagaimana diajarkan oleh Rasulullah ﷺ dengan ucapan 'Salam sejahtera ke atas diri kami dan para hamba Allah yang soleh (*Assalamualaina wa ala 'ibadillahissolihin*)'. Rasulullah ﷺ berkata bahawa jika seseorang mengucapkan doa tersebut, maka doa tersebut akan sampai kepada setiap hamba Allah yang soleh di langit dan di bumi. Ini diriwayatkan oleh Imam Muslim.

## • Mendoakan Saudaramu Adalah Tanda Peribadi Mulia

Berdoa untuk saudaramu tanpa pengetahuannya merupakan sebahagian dari peribadi mulia, sesuai dengan ajaran al-Quran dan Sunnah Nabi ﷺ. Para sahabat RA sering





## • The Fruit of the Supplication of Spiritual Bond

By articulating this ritual invocation, the believer comes to see themselves as part of the Radiant Procession of faith and *jihād* that stretches across time from Adam (peace be upon him) to the Day of Resurrection and as part of the Blessed Community under the protection of the Lord (Exalted be He). Their spiritual link to their other brethren grows stronger and stronger, even if they are physically separated from each other. The centrality of this prayer is further underlined by the fact that it is an integral part of the *tashahhud*: "Peace be upon us and upon all God's righteous servants"; the Prophet (God bless him and grant him peace) expounded that "Whenever [the Muslim in prayer] pronounces this invocation, it reaches all of God's righteous servants in heaven and on earth."[(1)]

## • Invoking the Divine for the Sake of Your Brethren is a Sign of Lofty Character

The Companions (God be pleased with them) followed the Glorious Qurʾān and the Noble Tradition of the Prophet, praying for each other in the middle of the night to affirm that their hearts were not only free of rancor, but indeed

(1) Muslim.

mendoakan satu sama lain secara rahsia tanpa pengetahuan mereka terutamanya pada malam hari. Perbuatan ini menunjukkan tanda kejernihan hati seseorang daripada perasaan dengki dan irihati sesama saudara. Ia juga dapat melahirkan rasa kasih sayang penuh tulus ikhlas terhadap sesama saudara Islam.

Al-Baihaqi meriwayatkan dalam *Syu'ab al-Iman* bahawa Umm ad-Darda' berkata bahawa Abu ad-Darda' menghabiskan malam dengan berdoa sambil berkata, "Ya Allah, Engkau telah sempurnakan ciptaanKu, maka sempurnakanlah akhlakku" hingga subuh. Berkata Umm ad-Darda', "Ya Abu ad-Darda', doamu sepanjang malam tadi hanya tentang peningkatan akhlak," Abu ad-Darda' berkata, "Wahai Umm ad-Darda', sesungguhnya hamba Muslim dengan akhlak yang baik dapat masuk ke dalam Syurga, sementara akhlak buruk dapat membawa ke Neraka. Dan sesungguhnya hamba Muslim dapat diampuni dosanya saat ia tidur." Dia menjelaskan, "Saudaranya yang berdoa pada malam hari dan berdoa kepada Allah ﷻ, doanya akan dikabulkan dan ia juga berdoa untuk saudaranya sehingga doanya untuk saudaranya juga turut dikabulkan."

- **Nyalakan Lampumu**

Al-Khatib dalam kitab *Tarikh Baghdad* dan Ibn al-Jawzi dalam *Sifat al-Safwah* meriwayatkan dari Abu Abdullah





full of love for their fellow believers. In his *Shuʿab al-Īmān* (Affluents of Faith), al-Bayhaqī reports from Umm ad-Dardāʾ:

> Abū ad-Dardāʾ once held a night vigil, in which he kept shedding tears and crying, ‘O Lord! Refine my character just as You originally created me in the best of fashions!’ This he did until the break of dawn. I [Umm ad-Dardāʾ] asked him, ‘Why did you keep repeating a prayer about character?’ He replied: O ‘Umm ad-Dardāʾ, If the Muslim servant keeps refining their character, they may be admitted to Paradise. Conversely, if they keep letting their character degrade, they will enter Hell. Not to mention that it is possible for the Muslim servant to have their sins forgiven while they are sound asleep.’ I [Umm ad-Dardāʾ] asked him, ‘How is that possible?’ He replied: ‘If their brother or sister stays up at night and prays to God (Exalted be He) for them, then God may forgive that person as well as the person who prayed for them.’

- **Light Your Lamps**

Al-Khateeb in his *History of Baghdad* and Ibn al-Jawzi in his *Description of the Elite* have reported from Abu

bin al-Khatib tentang Abu Hamdun, yang memiliki buku yang tertulis di dalamnya tiga ratus nama sahabatnya dan berdoa untuk mereka pada setiap malam. Pada suatu malam, beliau tertidur tanpa berdoa, dan dalam mimpinya, diberitahu bahawa lampu-lampunya tidak menyala pada malam tersebut. Kemudian beliau bangun, menyalakan lampu, dan mendoakan setiap orang yang dinyatakan dalam bukunya satu per satu.

Beliau adalah Abu Muhammad al-Taib bin Ismail bin Ibrahim adh-Dhahli, dikenali sebagai Abu Hamdun, seorang qari Al-Quran yang terkenal, seorang yang soleh dan zuhud. Beliau menerima pengajaran huruf al-Quran dari Ali bin Hamzah al-Kisa'i dan Ya'qub bin Ishaq al-Hadrami, serta meriwayatkan dari al-Musayyib bin Sharik, Sufyan bin Uyainah, dan Shu'aib bin Harb.

## • Mendoakan Saudaramu Tanpa Pengetahuannya adalah Mustajab

Setiap daripada para sahabat *radiyallahu'anhum*, ketika bertemu dengan temannya, akan meminta doa terutama jika ia akan melakukan perjalanan ke tempat paling suci, Makkah. Imam Muslim dan Abu Dawud meriwayatkan daripada Safwan bin Abdullah bin Safwan bin Umayyah





Abdullah ibn al-Khateeb:

> Abu Hamdun had a sheet of paper with a list of three hundred friends that he used to pray for every night. He slept without praying for his friends and was told in his dream, “O Abu Hamdun! You didn’t light your lamps tonight.” He sat down, grabbed his sheet, and prayed for each one of them till he finished the list.

Abu Hamdun was an auctioneer, jeweler, prominent Quran scholar, and a devout ascetic.

## • Prayers for the Believer in Their Absence are Answered

Whenever one Companion would meet another, the first would ask the second to pray for them – particularly if the latter were about to travel to that holy of holies, Mecca. Muslim and Abū Dāwūd have related an anecdote from ʿAbdullāh ibn Safwān ibn Umayya ibn Khalaf (the son-in-law of the aforementioned Abū ad-Dardāʾ):

> Once, when I traveled to Syria, I visited Abū ad-Dardāʾ’s house. He was not home but his wife, Umm ad-Dardāʾ, was, and she asked me, ‘Do you intend to perform the pilgrimage this year?’ ‘Yes.’ ‘Then

bin Khalaf bahawa dia datang ke Syam dan mengunjungi Abu ad-Darda' di rumahnya tetapi tidak menemuinya. Dia bertemu dengan Umm ad-Darda' yang bertanya apakah dia akan berhaji tahun itu. Safwan menjawab ya, dan Umm ad-Darda' meminta doa kebaikan darinya kerana Nabi ﷺ mengatakan bahawa doa seorang Muslim untuk saudaranya tanpa pengetahuannya akan dikabulkan, dengan malaikat yang ditugaskan mengatakan "Amin, dan untukmu juga." Saat Safwan ke pasar, dia bertemu Abu ad-Darda' dan dia yang mengatakan hal yang sama seperti Umm ad-Darda'.

Al-Tirmidzi, Ibn Majah, dan Abu Dawud meriwayatkan dari Umar bin al-Khattab RA, yang meminta izin kepada Rasulullah ﷺ untuk melakukan umrah. Rasulullah ﷺ berkata, "Wahai saudaraku, masukkan kami dalam doamu dan jangan lupakan kami." Al-Tirmidzi menyatakan hadis ini sebagai *hasan sahih*.

Ibn Hibban dalam *Sahih-nya* dan al-Bazzar dalam *Musnad-nya* meriwayatkan dari Aisyah, *radhiyallahu 'anha*, bahawa dia berkata: Ketika saya melihat Rasulullah ﷺ dalam keadaan senang hati, saya meminta, "Ya Rasulullah, doakanlah untuk saya." Baginda lalu berdoa, "Ya Allah, ampunilah Aisyah atas dosa-dosanya, baik yang telah lalu mahupun yang akan datang, yang tersembunyi mahupun





> pray for me, since the Messenger (God bless him and grant him peace) used to say, “When a Muslim prays for their brother or sister in their absence, their prayers are answered. And ever-present is an angel who pronounces for such a person, ‘Amen! And your reward shall be the same.’” I then went out and came across Abū ad-Dardāʾ in the market. He too related the same *ḥadīth* to me.

Once, when ʿUmar ibn al-Khaṭṭāb (God be pleased with him) asked the Messenger (God bless him and grant him peace) permission to perform the lesser pilgrimage (ʿ*umra*), the Prophet replied: “Brother, do not forget to include me in your prayers.”[1]

Ibn Ḥibbān in his *Ṣaḥīḥ*, and al-Bazzār in his *Musnad* have reported from Lady ʿĀʾisha (God be pleased with her):

> Once, when I saw that the Messenger (God bless him and grant him peace) was in a good mood, I said, ‘Messenger of God, pray to God for me!’ ‘O Lord, forgive ʿĀʾisha all her sins, past and future,

[1] Tirmidhī, Ibn Mājah, Abū Dāwūd. The version given here is that of Tirmidhī, who authenticated the report.

yang terang-terangan." Aisyah tertawa bahagia, hingga kepalanya jatuh ke pangkuan kerana tertawa. Rasulullah ﷺ bertanya, 'Apakah doaku menyenangkanmu?' Jawab Aisyah, 'Bagaimana mungkin tidak?' dan Aisyah mengakui kebahagiaannya atas doa tersebut. Rasulullah ﷺ bersabda, "Itulah doa yang saya ucapkan dalam setiap solat untuk umatku."

## • Asas Utama Mustajabnya Sebuah Doa?

Doa hanya akan dikabulkan jika disertai dengan amal soleh, seiring dengan firman Allah ﷻ dalam Surah Ali Imran ayat 195:

﴿فَٱسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّى لَآ أُضِيعُ عَمَلَ عَٰمِلٍ مِّنكُم مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ ۖ بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ ۖ فَٱلَّذِينَ هَاجَرُوا۟ وَأُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَأُوذُوا۟ فِى سَبِيلِى وَقَٰتَلُوا۟ وَقُتِلُوا۟ لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ثَوَابًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلثَّوَابِ﴾

Maksudnya: *Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firmanNya): Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, samada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain; maka orang-orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan*





inward and outward.' This prompted ʿĀʾisha to laugh until her head fell into her lap. 'Has my supplication pleased you?' 'How could it not??' The Prophet (God bless him and grant him peace) then said: 'That is the supplication that I say in every ritual prayer for my *Umma*.'

## • What is the Foundation of Supplication?

Our prayers will not be answered until they are substantiated by righteous deeds, as evidenced by Sūrat Āl ʿImrān (Qurʾān 3:195):

> And their Lord responded to them: never will I allow to be lost the work of [any] worker among you, whether male or female; you are of one another. So those who emigrated or were evicted from their homes or were harmed in My cause or fought or were killed - I will surely remove from them their misdeeds, and I will surely admit them to gardens beneath which rivers flow as reward from God, and God has with Him the best reward.

The first chapter of the Qurʾān, Sūrat al-Fātiḥa, emphasizes that the "right Way" prayed for by the believers (Qurʾān

*agamanya) dan yang diusir keluar dari tempat tinggalnya dan juga yang disakiti (dengan berbagai-bagai gangguan) kerana menjalankan agamaKu dan yang berperang (untuk mempertahankan Islam) dan yang terbunuh (gugur Syahid dalam perang Sabil), sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala dari sisi Allah dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal soleh).* (QS Ali Imran, 2: 197)

Hakikat ini turut diisyaratkan dalam Surah al-Fatihah bahawa ketika seorang Mukmin memohon kepada Allah agar diberi petunjuk pada jalan yang lurus, ayat berikutnya mengesahkan bahawa jalan ini telah diikuti oleh orang-orang sebelum mereka yang diberkati, termasuk para nabi, orang yang benar (*siddiqin*), *syuhada*, dan orang-orang soleh, dan mereka adalah sebaik-baik peneman.

Seorang Mukmin yang menjaga jadual hariannya siang dan malam dalam kepatuhan kepada apa yang Allah perintahkan, serta memelihara hubungan kekeluargaan, bermakna dia mengambil jalan orang-orang yang mendapatkan anugerah Ilahi. Demikianlah Doa Rābiṭah membawa Mukmin satu langkah lebih dekat menuju kebangkitan spiritual





1:6) is the Way of the previous generations of believers - the Prophets, the sincere, the martyrs, and the righteous on whom the Lord bestowed His grace. And what better company could you be included with? Therefore, by observing the Day and Night Schedule of the Believer and by cultivating the ties of kinship, the believer takes on the Way of those possessed of the Divine grace. And thus does the Supplication of Spiritual Bond bring the believer one more step toward spiritual wakefulness – but again, this prayer only has any force if it is combined with love in God, good manners, and righteous deeds.

## • Some Points of Etiquette for Supplication

Supplicating the Divine has its own procedures of etiquette. Ibn ʿAṭāʾ Allah as-Sakandarī said:

> Supplication has its pillars, wings, means, and appointed time. With its pillars, it becomes firm; with its wings, it flies into the heavens; with its prescribed time, it is granted success; and with its means, it becomes effective. The pillars refer to mindfulness, compassion, humility, and reverence. The wings are integrity. The prescribed time is

- namun sekali lagi, doa ini hanya memiliki kekuatan jika dikombinasikan dengan rasa cinta yang mendalam terhadap Allah, bersikap baik, dan beramal soleh.

- **Tatacara Berdoa**

Doa memiliki adab-adabnya yang tersendiri.

Ibn Ata' Allah al-Sakandari berkata: “Sesungguhnya doa memiliki rukun, sayap, sebab, dan waktu yang tertentu. Jika sesuatu doa itu sesuai dengan rukunnya, maka ia akan kuat; jika sesuai dengan sayapnya, maka akan terbang di langit tinggi; jika sesuai dengan waktunya, maka akan berhasil; dan jika sesuai dengan sebabnya, maka akan berhasil. Rukun doa adalah kehadiran hati, belas kasih, ketenangan, dan kekhusyukan; sayapnya adalah kejujuran dan keikhlasan; waktunya adalah waktu sahur iaitu pada sepertiga akhir malam; dan sebabnya adalah selawat kepada Nabi Muhammad ﷺ.”

- **"...Dan Kepada Saudara-Saudara Kami Yang Telah Beriman Sebelum Kami"**

Seorang Mukmin harus berdoa dengan doa Rābiṭah, terutama pada waktu sahur di akhir satu pertiga malam ketika Allah ﷻ turun ke langit dunia, Dia memanggil hamba-Nya untuk menanyakan siapa lagi yang bertaubat, meminta hajat, dan memohon keampunan, atau apa saja keperluan yang mendatang.





the early hours before dawn. And the means are praying to God to shed His benedictions upon Muḥammad (God bless him and grant him peace).

- **“…And to Our Brethren Who Embraced Faith before Us”**

The believer should perform the Supplication of Spiritual Bond in the early hours before dawn when the Lord (Exalted be He) descends to the First Heaven to ask after those seeking repentance, although the believer can express this prayer at any time. The worshipper should open their prayer by reciting the first chapter of the Qurʾān and then sending benedictions upon the Prophet (God bless him and grant him peace). Then, the supplicant should ask God to forgive their own sins and to grant to them and to their parents, spouse, children, and other relatives all the good things of this world and the Hereafter. Then they should ask God to shower His grace and peace upon all of His Prophets, from Adam to Muḥammad, naming aloud those Prophets individually mentioned in the Qurʾān, keeping in

Doa haruslah dimulai dengan Surah al-Fatihah, diikuti dengan selawat kepada Nabi Muhammad ﷺ, meminta ampun untuk dosa-dosa sendiri, serta berdoa untuk kebaikan di dunia dan akhirat bagi diri sendiri, orang tua, keluarga, dan kerabat. Kemudian, berdoa dan memberi salam kepada para nabi Allah, dari Nabi Adam AS hingga Nabi Muhammad ﷺ, termasuk nama-nama yang disebutkan dalam al-Quran dan juga untuk para nabi yang namanya tidak diketahui.

Hadis Rasulullah ﷺ ada menyebutkan: “Sekiranya kamu berselawat kepadaku, berselawat juga kepada Rasul-rasul yang lain, kerana aku adalah rasul yang merupakan salah seorang daripada mereka.” Ini menunjukkan pentingnya menghormati semua para rasul Allah عَزَّ وَجَلَّ.

Al-Tha'alibi menyebutkan dari Abu Sa'id al-Khudri, yang berkata: "Saya mendengar Rasulullah SAW, bukan sekali atau dua kali, mengucapkan di akhir solatnya atau ketika beliau hendak berpaling. Dengan bacaan Surah al-Saaffaat ayat 180-182”

﴿سُبۡحَٰنَ رَبِّكَ رَبِّ ٱلۡعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ (180) وَسَلَٰمٌ عَلَى ٱلۡمُرۡسَلِينَ
(181) وَٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ﴾

Maksudnya: *Akuilah kesucian Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai keagungan dan kekuasaan, dari apa yang*





mind the saying of the Master of Messengers: “Whenever you salute me, salute also the other Messengers, for I am but one of them.”

Similarly, ath-Thaʿlabī has reported from Abū Saʿīd al-Khudrī that the Messenger (God bless him and grant him peace) would sometimes say at the end of his ritual prayer, or alternatively before taking leave of his Companions:

> Glory be to your Lord, the Lord of honor and power, Who is free from all that they ascribe to Him! Peace be upon the Messengers, and praise be to God, the Lord and Cherisher of the Universe. (Qurʾān 37:180-182)

Ibn Abī Hāthim has narrated on the authority of ash-Shaʿbī and al-Baghawī, who in turn have reported on the authority of ʿAlī (may God honor him) from the Messenger (God bless him and grant him peace):

> Whoever seeks the Fullest Measure (*al-mikyāl al-awfā*) on the Day of Resurrection should recite, before taking leave of any sort

*mereka katakan! (180) Dan (ucaplah) salam sejahtera kepada sekalian Rasul. (181) Serta (ingatlah bahawa) segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam.* (QS al-Saaffaat: 180-182)

Ibn Abi Hatim meriwayatkan dari Al-Sha'bi dan Al-Baghawi dari Ali, *karamallahu wajhah* (semoga Allah memuliakan wajahnya), yang berkata: Rasulullah ﷺ bersabda, "Barang siapa yang ingin diberi pengukuran penuh pahala pada Hari Kiamat, maka hendaklah ia mengucapkan pada akhir majlisnya saat ia ingin bangkit: '*Subhan Rabbika Rabbil 'Izzati 'Amma Yasifun, Wa Salamun 'Alal Mursalin, Walhamdulillahi Rabbil 'Alamin.*'"

Ini mengingatkan kita bahawa frasa "*al-mikyāl al-awfā*" juga digunakan dalam konteks pahala berdoa untuk para rasul dan Nabi Muhammad ﷺ.

Kemudian, seorang Mukmin harus meminta Allah ﷻ agar mengurniakan keredhaan dan kesejahteraan ke atas keluarga Nabi ﷺ, keturunan, dan isteri-isterinya dengan nama khusus jika mampu. Kemudian, memohon kepada Allah ﷻ untuk mengurniakan keredhaan-Nya ke atas Khulafa al-Rasyidin, sepuluh sahabat yang dijanjikan Syurga, dan kemudian para sahabat yang lain, lagi sekali dengan nama jika mungkin. Setelah itu, berdoa untuk rahmat Tuhan ke atas generasi kedua Muslim (*al-tabiin*)





> of gathering: 'Glory be to your Lord, the Lord of honor and power, Who is free from all that they ascribe to Him! Peace be upon the Messengers, and praise be to God, the Lord and Cherisher of the Universe.'

Note that the phrase *al-mikyāl al-awfā* is also used in reference to the reward of praying upon the Prophet.

Then the worshipper should ask the Lord to bestow His felicitous salutations and His contentment upon the Prophet's family, descendants, and spouses, mentioning as many by name as possible. Then the worshipper should beseech God to bestow His contentment on the Rightly-Guided Caliphs, the Ten Companions promised Paradise[(1)], and then the other Companions, again by name if possible. Then the worshipper should pray for the Lord's mercy upon the second generation of Muslims (*at-tābiʿūn*) and upon the scholars and righteous men and women of this *Umma*, by name for those whose name they know.

[(1)] TN: The ten Companions whom the Prophet (God bless him and grant him peace) promised Paradise: the four Rightly-Guided Caliphs (Abū Bakr, ʿUmar, ʿUthmān, ʿAlī), Ṭalḥa ibn ʿUbaydillāh, az-Zubayr ibn al-ʿAwāmm, Saʿd ibn Abī Waqqāṣ, Saʿīd ibn Zayd, Abū ʿUbayda ibn al-Jarrāḥ, and ʿAbd ar-Raḥmān ibn ʿAwf.

dan ke atas ulama serta lelaki dan wanita soleh dalam umat ini, dengan nama bagi mereka yang namanya diketahui. Kemudian, dia membacakan doa dari ayat al-Quran secara umum dari Surah al-Hasyr ayat 10, firman Allah ﷿:

﴿وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعۡدِهِمۡ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱغۡفِرۡ لَنَا وَلِإِخۡوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا
بِٱلۡإِيمَٰنِ وَلَا تَجۡعَلۡ فِي قُلُوبِنَا غِلّٗا لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٞ رَّحِيمٌ﴾

Bermaksud: *Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah belas kasihan dan rahmat-Mu.* (QS al-Hasyr, 59: 10)

Kemudian, berdoalah untuk para mujahidin pada zaman kita, para ulama yang soleh, dan kemukakanlah segala permasalahan kita kepada Allah ﷿, dengan meminta bantuan dan petunjuk-Nya. Mengadulah kepada Allah segala kesulitan Ummah dan mintalah pengampunan serta kemenangan bagi semua yang berjuang dan berusaha di jalan-Nya. Kemudian, mohonlah rahmat, pengampunan, dan semua kebaikan dunia serta akhirat untuk Ummah Muhammad ﷺ, agar mereka bersatu di bawah khilafah yang sejati dan diberikan kemenangan atas musuh-musuh mereka. Akhirnya, seorang Mukmin mengakhiri doanya dengan selawat kepada Nabi Muhammad ﷺ.





Then comes the Qurʾānic invocation: "Our Lord! Forgive us as well as our brethren who came before us in faith, and put not in our hearts any resentment against those who have believed. Our Lord, You are indeed Full of Kindness, Most Merciful." (Qurʾān 59:10)

Then the supplicant lays before God all the *Umma*'s woes and asks Him for forgiveness and for victory for all those fighting and striving in His cause.

Then they mention by name all those with whom they share a tie of love and struggle.

Then they ask mercy, forgiveness, and all the good things of this world and the Hereafter for the *Umma* of Muḥammad, and that they be united under a true *khilāfa* and granted victory over their enemies. Lastly, the believer seals the invocation with benedictions upon the Messenger.

## • Doa Adalah Tanda Seorang Mukmin Ingat Akhirat

Melakukan doa dan munajat adalah cara terbaik dan intim mendekatkan hati kepada Allah ﷻ. Ia juga merupakan cara untuk mengingati akhirat melalui zikir harian kepada roh-roh orang Mukmin dan memberikan salam kepada mereka. Mengingati akhirat dalam konteks munajat dan doa adalah dengan menjauhkan diri dari urusan dunia kepada perkara mulia yang disukai Allah ﷻ.

Dan, sesungguhnya amalan yang paling disukai oleh Allah ﷻ adalah amalan yang dilakukan secara konsisten, seperti disebutkan oleh Rasulullah ﷺ, "Amalan yang paling dicintai Allah adalah yang dilakukan secara konsisten (berterusan) oleh pelakunya," diriwayatkan oleh al-Bukhari.

## • Doa Hadiah kepada Roh Saudara Islam

Doa *Rābiṭah* disempurnakan - sama ada selepas selesai atau pada masa lain - dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran untuk dihadiahkan kepada roh-roh saudara Islam yang telah meninggal dunia, dan hadiah khusus kepada ibu bapa. Seharusnya membaca ayat suci al-Quran dengan niat didedikasikan pahalanya kepada semua roh orang beriman.

Dalam mencapai ganjaran pembacaan al-Quran, Al-Hāfiẓ 'Abdullāh bin as-Ṣiddīq al-Ghumārī (semoga Allah merahmati beliau) telah menulis buku kecil yang





## • Supplication as an Act of Remembrance of the Hereafter

How transcendent is that heart that, in those moments of intimate invocation, turns entirely toward God! How present the remembrance of the Hereafter through the daily salutation of those pure souls! Indeed, God loves best the servant’s abstaining from worldly concerns by immersing themselves in such remembrance. On top of which, “The acts that God loves best are those that one performs regularly.”[1]

## • Supplication and Dedication of Worship for the Sake of Others

After reciting the Supplication of Spiritual Bond, the worshipper should recite passages of the Qurʾān with the intention of dedicating their reward to all pure souls, with some passages set aside particularly for one’s parents. Al-Ḥāfiẓ ʿAbdullāh b. aṣ-Ṣiddīq al-Ghumārī (God have mercy upon him) has penned a valuable booklet on this subject: *Authentic Texts Demonstrating that the Reward of Reciting the Qurʾān for Others Reaches Their Souls* (Tawḍīḥ al-Bayān fī Wuṣūl Thawāb al-Qurʾān).

[1] TN: Bukhārī.

berkualiti tentang isu pahala membaca doa kepada roh orang Mukmin yang "*Tawḍīḥ al-Bayān fī Wuṣūl Thawāb al-Qur'ān*" yang bermaksud penjelasan tentang sampainya pahala membaca al-Quran kepada roh orang Mukmin yang telah meninggal dunia.

- **Doa Dengan Kehadiran Dan Kerendahan Hati**

Dalam ajaran Islam, pelbagai himpunan doa-doa harian dan khusus dalam pelbagai keadaan telah diajarkan oleh Nabi ﷺ dan yang terdapat dalam ayat suci al-Quran. Tidak terdapat satu doa sahaja untuk setiap perkara tertentu. Sebaliknya, terdapat pelbagai doa supaya seseorang tidak hanya mengulang doa tersebut tanpa pemahaman dan penumpuan, melainkan ia berdoa dengan penuh renungan dengan hati yang khusyuk.

Seperti yang dilaporkan oleh al-Tirmidzi dan al-Hākim dari Nabi ﷺ bersabda: "Ketahuilah bahawa Allah tidak menjawab doa dari hati yang lalai." Ini mengingatkan kita untuk berdoa dengan hati yang khusyuk dan penuh pengharapan.

Justeru, tidak sepatutnya orang beriman menetapkan satu formula khusus yang dihafal untuk berdoa. Sebaliknya, berdoalah dengan apa yang muncul secara spontan dan keluar dari hati yang hadir dengan penuh rasa kehambaan.





- **Presence and Humility**

An important feature of the Prophetic Tradition is that it provides us with multiple prayers for a single occasion, thus giving us a variety of supplications to choose from, thereby helping us to avoid mindlessly reciting these prayers in a rote fashion. As Tirmidhī and al-Ḥākim have reported from the Messenger (God bless him and grant him peace): "Know that God does not answer any prayer emanating from a heedless heart." Hence, the believer should avoid praying the Supplication of Spiritual Bond with a set formula, but should pray it with words that spring forth spontaneously from a sense of humility and reverence.

### *Saudara-saudari yang dihormati:*

Akhir sekali, kita memohon kepada Allah Yang Maha Kuasa, Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, untuk membimbing kita ke jalan kebaikan, menjadikan kita sentiasa menyedari ketidakberdayaan kita di hadapan-Nya, dan menjadikan kita alat dalam mengembalikan kemuliaan Ummah. Sebagai doa penutup: Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam, serta rahmat dan keselamatan atas Rasul Muhammad ﷺ, keluarganya, para sahabat, saudara-saudara dan pengikut-pengikutnya.





### *Dear brothers and sisters:*

In the end, we ask the Divine, the Most Kind and Most Merciful, to guide us to good, to make us ever-aware of our powerlessness before Him, and to make us His instruments in restoring the *Umma* to its glory.

And our ending prayer is: Praise be to God, the Lord and Sustainer of the universe, and grace and peace upon the Messenger Muḥammad, his family, Companions, brethren, and party.

## *Karangan Penulis*

**Telah diterjemahkan daripada Bahasa Arab ke dalam Bahasa Inggeris:**

- The Day and Night Schedule of the Believer, 2nd ed. 2023
- Reflections on Islamic Law and History, 2022
- Back to Basics: The Justice and Spirituality Movement, 2022
- The Day and Night Schedule of the Believer, 2nd ed. 2019
- Muslim Women: Journey into the Light, vol. 2, 2019
- The Muslim Woman: Journey into the Light, vol. 1, 2016
- The Last Testament of Imam Abdessalam Yassine, 2013
- Day and Night Schedule of the Believer, 1st ed., 2007
- The Muslim Mind on Trial: Divine Revelation versus Secular Rationalism, 2003

**Telah diterjemahkan daripada Bahasa Perancis ke dalam Bahasa Inggeris:**

- Winning the Modern World for Islam, 2000
- Memorandum To Him Who Is Concerned, 1999





## *By the Same Author*

**In English (translation from the Arabic):**

- Reflections on Islamic Law and History, 2022
- Back to Basics: The Justice and Spirituality Movement, 2022
- The Day and Night Schedule of the Believer, 2nd ed. 2019
- Muslim Women: Journey into the Light, vol. 2, 2019
- The Muslim Woman: Journey into the Light, vol. 1, 2016
- The Last Testament of Imam Abdessalam Yassine, 2013
- Day and Night Schedule of the Believer, 1st ed., 2007
- The Muslim Mind on Trial: Divine Revelation versus Secular Rationalism, 2003

**In English (translation from the French):**

- Winning the Modern World for Islam, 2000
- Memorandum To Him Who Is Concerned, 1999

**Telah diterjemahkan daripada Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu:**

- Konsepsi Fiqah Dan Sejarah, 2019
- The Day and Night Schedule of the Believer, 2nd ed. 2024

**Dalam Semua Bahasa:**

Senarai lengkap semua buku karya Imam Abdessalam Yassine dalam pelbagai bahasa boleh didapati di ensiklopedia dalam taliannya di **www.siraj.net**.





**In All Languages:**

The list of all books by Imam Abdessalam Yassine, in all languages, may be found at his online encyclopedia at **www.siraj.net.**

JSP
Justice & Spirituality
Publishing



## Imam Abdessalam Yassine
[1928-2012]

ialah seorang ulama tersohor, penulis yang sangat produktif, dan pemimpin berjiwa rabbani. Beliau merupakan pengasas Pertubuhan Gerakan Keadilan dan Spiritual di Maghribi. Aliran pemikiran beliau membawa pengaruh yang meluas ke seluruh dunia. Penulisan dan aliran pemikiran yang diasaskan oleh Imam Abdessalam Yassine bertujuan membawa pembaharuan dalam memahami Islam melalui tiga dimensi, iaitu Islam, Iman, dan Ihsan, yang menghubungkan al-Quran dan Sunnah dengan cabaran sosial, politik, dan rohani yang dihadapi dunia Islam masa kini. Sumbangan penulisan beliau seperti buku, risalah, dan ucapannya boleh diakses dalam pelbagai bahasa utama dunia di laman website yassine.net.




Ruang waktu yang dianugerahkan kepada anda, dari detik kelahiran hingga saat kematian, tidak lain hanyalah peluang untuk menyembah Allah ﷻ. Maka, bagaimana anda mengisi dan menyusun jadual harian anda sepanjang waktu siang dan malam bagi mencapai tujuan hidup serta meraih kebahagiaan di dunia dan akhirat? Apakah pengisian terbaik waktu siang dan malam anda bagi memastikan anda beroleh ganjaran paling agung? iaitu keistimewaan melihat Wajah Allah ﷻ selama-lamanya di Akhirat kelak.


ISBN 9781942482192 US $ 8.99
50899 >
9 781942 482192 MYR40

www.jsp.us

JSP
Justice & Spirituality
Publishing